

PENERIMAAN MASYARAKAT TERHADAP KEPUTUSAN FATWA JABATAN MUFTI KELANTAN BERDASARKAN MODEL PENILAIAN *KIRKPATRICK*: SATU KAJIAN AWAL

Kamarudin Ahmad
Azman Md Zain
Mohd Nizho Abdul Rahman
Mohd Akram Dato' Dahaman@Dahlan
Solahuddin Abdul Hamid
Zulhilmi Paidi
Mohd Hilmi Hamzah
Universiti Utara Malaysia
kama@uum.edu.my

ABSTRAK

Fatwa bermula dari masyarakat dan mereka terlibat secara langsung dalam menerima serta mengamalkannya. Ertinya, fatwa adalah suatu jawapan hukum berasaskan reality yang berlaku dalam masyarakat. Oleh itu, masyarakat harus menerima dan memahami setiap keputusan fatwa yang disampaikan. Persoalannya, adakah ia dapat memberi keyakinan kepada masyarakat umum yang terdiri daripada pelbagai lapisan masyarakat, kehendak yang berbeza dan fikrah yang tidak sama. Kertas kerja ini akan melihat penerimaan masyarakat Kelantan terhadap keputusan fatwa samada ia dapat memberi kesan kepada mereka berdasarkan kepada adaptasi “Kirkpatrick Model Of Evaluation”. Model yang dibangunkan oleh Donald L. Kirkpatrick ini menggunakan empat peringkat pengkategorian iaitu reaksi, pembelajaran, tingkahlaku dan hasil. Berdasarkan kepada hasil kajian keseluruhan mengenai keberkesanan program penyebaran tentang maklumat fatwa yang dikelolakan oleh Jabatan Mufti di negeri Kelantan masyarakat menyatakan berkesan. Begitu juga dari segi reaksi penerimaan tentang maklumat fatwa, hasil kajian juga menunjukkan masyarakat memberikan reaksi yang positif. Dalam aspek pembelajaran, program tersebut telah meningkatkan kefahaman mereka tentang maklumat fatwa terkini sehinggakan banyak membantu pengamalan menjadi lebih baik dari pelbagai aspek. Berdasarkan kepada dapatan kajian ini bolehlah disimpulkan bahawa “Kirkpatrick Model Of Evaluation” setiap fatwa yang dikeluarkan diterima

dengan baik oleh masyarakat umum kerana penghasilannya adalah melalui penyelidikan dan perbincangan para ulama dengan penuh ketelitian.

Kata Kunci: *Fatwa, penerimaan, hukum.*

PENGENALAN

Institusi fatwa menjadi pusat rujukan dalam pembinaan masyarakat Islam di Malaysia dalam menangani pelbagai isu agama yang melibatkan kehidupan semasa. Peranannya dalam masyarakat amat besar dan penting. Selain itu, fatwa berperanan menjelaskan dan memahamkan umat Islam tentang persoalan hukum syarak (Shaltut, 1959). Masyarakat harus memahami setiap keputusan fatwa yang disampaikan. Kesediaan masyarakat menerima setiap fatwa juga adalah amat penting. Kertas kerja ini akan melihat penerimaan masyarakat terhadap keputusan fatwa Jabatan Mufti Kelantan. Peranan fatwa dan institusi fatwa menjadi semakin getir dengan lambakan fatwa-fatwa segera dalam laman-laman web yang mudah dilayari oleh masyarakat. Justeru itu, fatwa berperanan mengawal masyarakat supaya berada di landasan yang betul mengikut lunas-lunas Islam. Pada masa yang sama, ia juga adalah jawapan kepada setiap persoalan hidup yang memerlukan penyelesaian dari aspek agama (Ibn Solah, 1992; Qardhawi, 1997).

Institusi Fatwa di Negeri Kelantan

Sebelum penelitian khusus dibuat terhadap institusi fatwa, sebaiknya dilihat perkembangan awal kewujudan institusi fatwa di Kelantan. Sejarahanya bermula ketika Sultan Muhammad 1 melantik Tuan Sheikh Abdul Halim pada tahun 1830-an dan pada tahun 1845 Sultan Muhammad 11 melantik Tuan Haji Yaakub bin Haji Abdul Halim sebagai mufti. Kewujudan jawatan mufti berkisar kepada dua tarikh ini iaitu di era 1830-an dan ada pandangan mengatakan pada tahun 1845. Namun terdapat juga pandangan mengatakan ia wujud sekitar tahun 1885, ketika Hj Wan Daud Wan Sulaiman dilantik (Othman, 1981). Sultan dianggap menjadi ketua agama Islam dan bertanggungjawab secara langsung mengenai hal agama Islam.

Dalam melaksanakan tugasnya terdapat empat bahagian dalam Jabatan Mufti Kelantan, iaitu bahagian fatwa, khidmat pengurusan, falak dan bahagian sumber maklumat. Bahagian pertama berperanan:

- i. Merancang dan mengurussetiakan meyuarat jawatankuasa Jemaah Ulama' MAIK bagi membincangkan isu-isu hukum/fatwa.

- ii. Menyelidik dan menyediakan laporan, kertas kerja untuk dikemukakan di dalam mesyuarat jawatankuasa Jemaah Ulama' MAIK.
- iii. Mengurus pewartaan keputusan-keputusan fatwa jawatankuasa Jemaah Ulama' MAIK.
- iv. Merancang dan menguruskan aktiviti untuk menyebarkan fatwa-fatwa yang telah diputuskan oleh jawatankuasa Jemaah Ulama' MAIK sebagai panduan umat Islam.
- v. Membuat penelitian dan menyediakan jawapan hukum syarak bagi segala kemusykilan agama yang dirujuk ke jabatan Mufti oleh pihak kerajaan/Majlis Agama/badan berkanun dan ahli masyarakat.
- vi. Menyemak hukum dan memproses fatwa yang dikeluarkan dari dalam dan luar negeri untuk diselaraskan.
- vii. Menyemak dan mengkaji fatwa-fatwa lama dan kesesuaiannya dengan kehendak semasa.
- viii. Mengurus dan mengendalikan persidangan, multaqa, seminar, bengkel dan segala mesyuarat berkaitan.

Manakala bahagian sumber maklumat pula bertanggungjawab antaranya ialah:

- i. mendokumentasikan fatwa-fatwa dan koleksi soal jawab agama yang dikemukakan kepada mufti.
- ii. Menguruskan pembangunan sistem maklumat seperti e-fatwa.

Pada peringkat awal, Jemaah Ulama' yang bertanggungjawab mengendalikan urusan pembentukan fatwa diketuai oleh seorang Pengerusi, Timbalan Mufti dan Jemaah ini juga dianggotai oleh tidak kurang daripada lapan orang atau tidak lebih dari lima belas orang ahli yang lain. Enakmen Majlis Agama Islam dan Istiadat Melayu Kelantan 1994 memperuntukan 33[1]:

'Maka hendaklah ditubuhkan bagi maksud menasihati Majlis atau lain-lain perkara berhubung dengan fatwa yang hendak dikeluarkan mengikut mana-mana peruntukan yang terkandung di dalam Enakmen ini, suatu Jemaah Ulama yang terdiri daripada (a) Mufti sebagai pengerusi; (b) Timbalan Mufti; dan (c) tidak kurang daripada lapan, tetapi tidak lebih daripada lima belas orang ahli lain.'

Pengerusi Jemaah Ulama' sekarang adalah SS Dato Muhammad Shukri bin Muhammad dan timbalan pula adalah Dato' Nik Abdul Kadir Nik Mohammad. SS

Mufti bertanggungjawab menjadi pengerusi setiap kali mesyuarat diadakan. Enakmen Majlis Agama Islam dan Istiadat Melayu Kelantan 1994 34.[1] memperuntukkan iaitu:

‘Mufti hendaklah pengerusi mesyuarat Jemaah Ulama’ dan semasa ketiadaannya, Timbalan Mufti dan semasa ketiadaannya mana-mana ahli yang hadir bolehlah memilih dari kalangan merek menjadi pengerusi mesyuarat itu’.

Amalan Pengeluaran Fatwa

Secara umumnya, sesuatu fatwa wujud apabila ada persoalan daripada masyarakat Islam secara bertulis dan dikemukakan kepada pihak mufti. Namun, fatwa juga boleh dikeluarkan atas inisiatif mufti sendiri dalam menangani sesuatu persoalan. Berkenaan hal ini, Seksyen 36.[1] memperuntukkan seperti berikut:

‘Mana-mana orang dengan secara bertulis, boleh meminta Majlis mengeluarkan fatwa tentang apa-apa masalah mengenai hukum syarak atau Adat Istiadat Melayu Kelantan, dan apabila permintaan seumpama itu diterima, setiausaha hendaklah segera mengedarkannya kepada Pengerusi Jemaah Ulama’

36.[4]:Jemaah Ulama’ boleh, atas daya usahanya sendiri, pada bila-bila asa, membuat dan mengistiharkan apa-apa fatwa bagi pihak dan atas nama Majlis.

KAJIAN LEPAS

Terdapat banyak kajian tentang fatwa dan ia boleh dikategorikan kepada: pertama, kajian umum tentang fatwa; kedua, pengkaedahan fatwa; dan ketiga, penulisan dan persembahan fatwa. Pertama, kajian umum tentang fatwa banyak dilakukan oleh sarjana Islam dalam dan luar negara. Antaranya karya Osman Ishak ((1981) bertajuk Fatwa dalam Perundangan Islak dan sebuah buku bertajuk Mufti dan Fatwa di Negara-Negara Asean suntingan Dato’ Dr. Abdul Monir Yaacob dan Wan Roslili Abdul Majid (1998). Selain itu, terdapat buku hasil suntingan Ahmad Hidayat Buang (2004) berjudul Fatwa di Malaysia. Tumpuan utama buku ini adalah berkaitan realiti pentadbiran, pengurusan, aspek-aspek sosial dan hukum yang menyentuh fatwa di Malaysia. Terdapat 10 artikel di dalam buku ini hasil penulisan Ahmad Hidayat Buang dan rakan-rakan penyelidik beliau. Manakala Mahmud Saedon (1996) turut menghasilkan Institusi Pentadbiran Undang-Undang dan Kehakiman Islam yang menyarankan agar fatwa yang dikeluarkan hendaklah berdasarkan hujah dan dalil syarak. Dalam konteks

luar negara, terdapat perbincangan oleh sarjana Islam seperti Imam al-Nawawi (1987) dengan kitabnya *Adab al-Fatwa*, Imam al-Qarafi (1976) dengan *al-Ahkam Fi Tamyiz Min al-Ahkam*, al-Khatib al-Baghdadi dengan *al-Faqih Wa al-Mufaqqih* dan Ibn Qayyim (1996) dengan kitabnya *A'lam al-Muwaqqi'in An Rab al-Alamin*. Selain itu, Jamal al-Din al-Qasimi (1986) dengan karyanya *al-Fatawa Fi al-Islam* dan al-Zibari (1995) dengan *Mabahith Fi Ahkam al-Fatwa*.

Kedua, kajian tentang pengkaedahan fatwa telah ditulis oleh Nor Naemah Abd Rahman (2003), Wan Abd Rahman Khudzri (2006) dan Mat Jahya Hussin (1999). Selain itu, terdapat juga kajian mengenai fatwa khusus kepada negeri oleh Mat Jahya Hussin (1999) dan Mohd Akram Dahaman (2005) yang khusus kepada negeri Perlis sahaja. Begitu juga, Sidi Ahmad Abdullah (1986) turut mengupas isu fatwa dari sudut perundangan fiqh dan amalannya di Malaysia dalam disertasi sarjana beliau yang bertajuk *A Preliminary Outline of Fatwa in Malaysia, 1960-1982*. Terdapat juga kajian oleh Alias Azhar (2001) yang dilakukan di negeri Kedah.

Terdapat banyak karya yang menumpukan kepada analisis kandungan fatwa di Malaysia dari pelbagai aspek. Antaranya yang menilai dari sudut metodologi penetapan fatwa oleh jawatankuasa fatwa negeri, pemakaian sumber hukum dalam penetapan fatwa oleh jawatankuasa fatwa negeri dan isu-isu kontemporari yang bersangkutan dengan penetapan fatwa di Malaysia.

Kajian-kajian yang menyentuh secara terus aspek metodologi dan pendekatan sebuah jawatankuasa fatwa di peringkat negeri mahupun nasional adalah seperti Noor Naemah Abd Rahman (2003) di dalam kajian beliau *Fatwa Jemaah Ulama Kelantan Tahun 1920an hingga 1990an: Satu Analisis* telah menilai metodologi Jemaah Ulama Kelantan dalam menetapkan fatwa. Mohd Akram Dahaman (2005) telah meneliti metode yang digunapakai oleh Perlis di dalam penetapan fatwa. Alias Azhar (2001) pula menganalisis Metodologi Jawatankuasa Fatwa Negeri Kedah dalam *Mengeluarkan Fatwa-Fatwa: Kajian dari tahun 1985-1995*. Manakala Wan Ab Rahman Khudzri bin Wan Abdullah (2006) secara lebih mendalam menganalisis penggunaan kaedah *Istinbat* dalam penetapan fatwa di Malaysia melibatkan beberapa jabatan mufti terpilih.

Begitu juga dengan kajian-kajian yang berkaitan pemakaian sumber hukum dalam penetapan fatwa oleh jawatankuasa fatwa negeri. Saipul Anuar (1999) meneliti sumber hukum *Sadd al-Dhara'I'* di dalam kajiannya bertajuk *Sadd al-Dhaza'I'* Sebagai Sumber Fatwa: Satu Kajian Tentang Pemakaian Fatwa-fatwa Negeri Selangor. Begitu juga dengan kajian Mohd Nor Hashri (2003) yang bertajuk *Analisis Pendekatan Ijtihad*

dalam Fatwa Jemaah Ulama Negeri Kelantan. Kajian oleh Mohd Marbawi Taha (2006) bertajuk Pendekatan ijtihad dalam fatwa Jawatankuasa Fatwa Negeri Terengganu juga adalah membabitkan isu yang sama.

Manakala kajian-kajian yang menyentuh terus isu-isu kontemporari yang bersangkutan dengan penetapan fatwa di Malaysia adalah seperti berikut; Mohd Akram Dahaman (2012) dalam kajiannya bertajuk Pengaruh Perubahan Sosial dalam Penetapan Fatwa di Malaysia dan Singapura: Kajian Terhadap Fatwa-fatwa MJFK dan MUIS cuba menilai perbezaan yang ada dalam fatwa-fatwa dalam isu terpilih MJFK dan MUIS berdasarkan perubahan dan perbezaan realiti setempat masing-masing. Begitu juga dengan Irwan Md Subri (2016) dalam artikel bertajuk Analisis Fatwa Semasa di Malaysia cuba untuk menilai fatwa-fatwa semasa yang wujud di Malaysia sama ada membabitkan badan peringkat nasional mahupun negeri.

Ketiga, dari sudut penulisan dan persembahan fatwa dimana terdapat karya seperti Yusuf Qardhawi (1990) dan al-Haithami (1989). Al-Qardhawi umpamanya, mengariskan kaedah-kaedah yang perlu dipraktikkan dalam setiap penulisan fatwa. Selain itu, terdapat juga artikel-artikel tentang metod penulisan fatwa seperti Daud Bakar (1997) yang bertajuk Instrumen Fatwa dalam Perkembangan Perundangan Islam. Beliau menyatakan bahawa fatwa yang dikeluarkan hendaklah dinyatakan alasan dan penghujahan yang sempurna seperti mana yang dilakukan oleh pihak hakim di mahkamah supaya fatwa itu dapat diterima dengan penuh keyakinan. Selain itu, Dr. Zalikha Md Nor (2002) dengan karyanya bertajuk Pembuatan dan Penulisan Fatwa di Malaysia pula membincangkan persoalan teknikal bagaimana fatwa dikeluarkan mengikut fiqh Islam seperti kaedah menjawab soalan fatwa dan cara menulis jawapan fatwa.

Kajian terhadap penerimaan fatwa dalam kalangan masyarakat mahupun pihak mustafti (pihak yang mengemukakan soalan untuk jawapan fatwa) adalah sangat minimum. Terdapat kajian yang dilakukan oleh Othman Ishak (1979) bertajuk Satu Kajian Kritikal Mengenai Institusi Fatwa dalam Hukum Syarak di Negeri-Negeri Melayu: Sejarah dan Interpretasinya. Salah satu rumusan dalam kajiannya ialah terdapat fatwa yang dikeluarkan oleh mufti dan jawatankuasa syariah negeri-negeri tidak dipatuhi oleh masyarakat, mahkamah dan kerajaan sendiri. Menurutnya fatwa rasmi sepatutnya tidak boleh dipersoalkan oleh sesiapaupun memandangkan ia sebenarnya merupakan hukum syarak yang muktamad dari pihak berkuasa yang perlu dipatuhi. Dan fatwa itu juga telah dikeluarkan dengan persetujuan Raja atau Yang Di-Pertuan Agong

atau Majlis Raja-raja Melayu dan diwartakan di dalam Warta Rasmi Kerajaan untuk dikuatkuasakan.

Kajian yang dilakukan Siti Nurunnajwa, Irwan dan Nuradli Ridzwan Shah (2017) terhadap penerimaan masyarakat Selangor terhadap penyebaran maklumat fatwa di media talian oleh Jabatan Mufti Selangor mendapati penerimaan masyarakat Muslim di Selangor adalah positif. Penerimaan media atas talian sebagai medium penyampaian fatwa Selangor tiada hubungkait dengan umur masyarakat Muslim di Selangor. Antara media atas talian yang paling berkesan dan memberi manfaat dalam penyampaian fatwa negeri Selangor mengikut turutan keutamaan iaitu Laman web, Facebook dan YouTube. Walaupun penerimaan masyarakat positif, Media atas talian yang sedia ada perlulah lebih dipertingkatkan penggunaannya dan sentiasa dikemas kini dari semasa ke semasa. Penggunaan media baharu juga perlu sentiasa diteroka bersesuaian dengan peredaran masa dan teknologi yang pantas berkembang.

Azman (2011) dalam penulisannya memperincikan soal metodologi dan hubungannya dengan penerimaan fatwa oleh masyarakat. Justeru, proses pengeluaran fatwa melalui penyelidikan dan perbincangan terperinci serta mengambil kira kemaslahatan dan maqasid shari'ah menjadi pemangkin kepada penerimaan masyarakat kepada fatwa termasuk juga dalam bidang muamalat.


MODEL PENILAIAN KIRKPATRICK

Model Penilaian Latihan Kirkpatrick menggariskan empat tahap penilaian yang amat penting dalam mengukur keberkesanan sesebuah program latihan iaitu reaksi peserta, pembelajaran yang berlaku sepanjang latihan, sikap dan hasil akhir keberkesanan latihan terhadap organisasi. Tahap pertama penilaian keberkesanan program adalah dengan mengukur reaksi peserta terhadap program iaitu sama ada mereka menyukai program tersebut atau sebaliknya. Pandangan peserta tentang penceramah, topik, gaya persembahan, jadual program dan urus setia program juga dikenal pasti. Penilaian tahap pertama ini penting kerana reaksi peserta terhadap program akan menentukan keberkesanan tahap seterusnya iaitu proses pembelajaran dan pengaplikasian pembelajaran di kalangan peserta program. Peserta yang menunjukkan reaksi positif terhadap program akan lebih mudah menerima pembelajaran yang diterapkan sepanjang program.

Tahap kedua dalam model penilaian ini adalah pembelajaran yang berlaku sepanjang program. Keberkesanan pembelajaran ini diukur daripada peningkatan tahap

pengetahuan, kemahiran dan perubahan sikap peserta. Penilaian tahap kedua ini lebih memfokus kepada keberkesanan program dalam mencapai objektif yang telah disasarkan. Seterusnya tahap ketiga penilaian program adalah terhadap kelakuan peserta terhadap tugas (on the job behaviour) selepas menghadiri program. Tahap ketiga ini dapat mengukur sama ada program tersebut memberi kesan positif terhadap prestasi seseorang. Tahap keempat iaitu yang terakhir sekali adalah penilaian terhadap hasil akhir program yang mampu menyumbang kepada keberkesanan organisasi antaranya meningkatkan kualiti kerja, produktiviti dan kepuasan kerja peserta.

Menurut Gabr (2000), kaedah penilaian program perlu dilakukan dengan menilai keberkesanan program dalam mencapai objektifnya. Program latihan yang memberi tumpuan kepada peningkatan pengetahuan, kemahiran dan kebolehan seseorang individu hanya akan berfungsi dan relevan sekiranya penilaian terhadap program tersebut dilaksanakan.



Rajah 2.1: Model Penilaian Kirkpatrick

Dalam konteks kajian melibatkan Model Penilaian Kirkpatrick. Kamaruzzaman Abdul Manan et al. (2013) telah mengukur pengaruh komunikasi terhadap keberkesanan latihan berdasarkan model tersebut yang merangkumi empat tahap penilaian iaitu Tahap I - reaksi; Tahap II - pembelajaran; Tahap III - kelakuan / aplikasi; dan Tahap IV - hasil. Kajian ini berjaya membuktikan komunikasi mempunyai hubungan yang kukuh dengan pembelajaran pelatih. Kajian ini juga telah menemukan bahawa keyakinan untuk mengaplikasikan ilmu dapat membantu dalam meramal perubahan

kelakuan pelatih (pengaplikasian ilmu di persekitaran kerja) dengan lebih tepat. (Rujuk keterangan di bawah).

Oleh itu, penilaian model ini untuk melihat keberkesanan program fatwa dalam masyarakat dengan mengukur reaksi peserta terhadap program iaitu sama ada mereka menerima perkara positif atau tidak terhadap penyebaran fatwa yang dikelolakan oleh Jabatan Mufti. Tahap seterusnya iaitu proses pembelajaran dan pengaplikasian pembelajaran di kalangan peserta program. Tahap terakhir sekali adalah penilaian terhadap hasil akhir program fatwa yang mampu menyumbang kepada keberkesanan program tersebut sehinggakan menjadi pengamalan atau sebaliknya.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian telah dijalankan di Kelantan dengan memfokuskan kepada masyarakat umum (imam, bilal dan ahli jawatankuasa) yang menjadi penerima keputusan fatwa yang dibuat oleh Jabatan Mufti di negeri Kelantan. Seramai 50 orang responden yang terdiri daripada komuniti di sekitar kawasan tersebut diberikan soal selidik bagi mendapatkan data yang diperlukan. Data yang diperolehi daripada kerja lapangan direkodkan dan dianalisis. Analisis yang digunakan melibatkan deskriptif (kekerapan dan peratusan) menggunakan perisian SPSS 21 bagi mencari jawapan berkaitan tahap penerimaan masyarakat berdasarkan pembolehubah (Model Kirkpatrick) dalam kajian ini samada 'rendah', 'sederhana' atau 'tinggi'.

HASIL KAJIAN

Sebahagian besar responden dalam lingkungan umur 45 hingga 54 tahun iaitu 62 peratus, manakala 26 peratus berumur 55 tahun ke atas dan 12 peratus berumur 35-44 tahun. Secara keseluruhannya responden adalah berstatus berkahwin iaitu 78 peratus manakala selebihnya berstatus bujang. Rata-rata responden mempunyai pendidikan rendah iaitu 30 peratus memegang tahap pendidikan menengah rendah dan 28 peratus berpendidikan rendah.

Aspek Demografi	N	%
<i>Kategori Umur</i>		
35 – 44	6	12.0
45-54	31	62.0
55 keatas	13	26.0
<i>Status Perkahwinan</i>		
Bujang	11	22.0

Berkahwin	39	78.0
<i>Tahap Pendidikan</i>		
Rendah	14	28.0
Men Rendah	15	30.0
Men Atas	6	12.0
Diploma	5	10.0
Ijazah	5	10.0
Sarjana	5	10.0

Sumber: Kerja lapangan, 2017.

Jadual 1: Taburan Demografi Responden

Berdasarkan kepada hasil kajian keseluruhan mengenai keberkesanan program penyebaran tentang maklumat fatwa yang dikelolakan oleh Jabatan Mufti di negeri Kelantan menunjukkan tahap yang tinggi (berkesan) di mana sebanyak 82 peratus (41) orang responden menyatakan sedemikian. Selebihnya hanya minoriti iaitu sebanyak 18 peratus (9) orang responden menyatakan sederhana (kurang berkesan). Dari segi reaksi penerimaan tentang maklumat fatwa, hasil kajian juga menunjukkan tahap yang tinggi (reaksi yang positif daripada responden) di mana majoritinya iaitu 42 peratus (84) orang responden menyatakan sedemikian. Selebihnya hanya minoriti iaitu 16 peratus (8) orang responden menyatakan reaksi yang sederhana positif. Dalam aspek pembelajaran, menunjukkan majoriti iaitu 92 peratus (46) orang responden menyatakan program tersebut telah meningkatkan kefahaman mereka tentang maklumat fatwa terkini dan dari segi pengamalan selepas mengikuti program tersebut, 68 peratus (34) orang responden menyatakan program penyampaian maklumat fatwa telah banyak membantu pengamalan menjadi lebih baik dari pelbagai aspek.

Pembolehubah	Tahap	N	%
i. Keberkesanan Program	<i>Sederhana</i>	9	18.0
	<i>Tinggi</i>	41	82.0
ii. Reaksi	<i>Sederhana</i>	8	16.0
	<i>Tinggi</i>	42	84.0
iii. Pembelajaran	<i>Sederhana</i>	4	8.0
	<i>Tinggi</i>	46	92.0

iv. Pengamalan	<i>Sederhana</i>	16	32.0
	<i>Tinggi</i>	34	68.0

Sumber: Kerja lapangan, 2017

Jadual 2: Penerimaan Masyarakat Terhadap Keputusan Fatwa

PERBINCANGAN

Berdasarkan kepada analisis reaksi masyarakat mengenai keberkesanan program penyebaran tentang maklumat fatwa yang dikelolakan oleh Jabatan Mufti di negeri Kelantan masyarakat menyatakan berkesan dari pelbagai aspek seperti reaksi positif penerimaan tentang maklumat fatwa. Dalam aspek pembelajaran, program tersebut telah meningkatkan kefahaman mereka tentang maklumat fatwa terkini sehinggakan banyak membantu pengamalan menjadi lebih baik dari pelbagai aspek.

Berdasarkan kepada dapatan kajian ini dapatlah dibincangkan bahawa Model yang dibangunkan oleh Donald L. Kirkpatrick yang menggunakan empat peringkat pengkategorian iaitu reaksi, pembelajaran, tingkahlaku dan hasil memberi keberkesanan dalam keputusan fatwa yang dikeluarkan . pengaruh komunikasi terhadap keberkesanan latihan telah berjaya membuktikan komunikasi mempunyai hubungan yang kukuh dengan pembelajaran pelatih. Kajian ini juga telah menemukan bahawa keyakinan untuk mengaplikasikan ilmu fatwa dapat membantu dalam meramal perubahan kelakuan pelatih dengan lebih tepat sehinggakan mereka memberi reaksi positif terhadap pembelajaran penyebaran fatwa dan seterusnya mengamalkannya.

KESIMPULAN

Artikel ini membincangkan mengenai dapatan daripada soal selidik yang dilakukan terhadap masyarakat umum (imam, bilal dan ahli jawatankuasa) yang menjadi penerima keputusan fatwa yang dibuat oleh Jabatan Mufti di negeri Kelantan. Berdasarkan kepada hasil kajian mengenai keberkesanan program penyebaran maklumat fatwa yang dikelolakan oleh Jabatan Mufti di negeri Kelantan, masyarakat bersetuju ia memberi kesan dalam pelbagai aspek. Contohnya reaksi positif tentang penerimaan maklumat fatwa. Dalam aspek pembelajaran, program tersebut telah meningkatkan kefahaman mereka tentang maklumat fatwa terkini sehinggakan membantu pengamalan mereka menjadi lebih baik dari pelbagai aspek. Berdasarkan kepada dapatan kajian, bolehlah disimpulkan bahawa “Kirkpatrick Model Of

Evaluation” dalam setiap fatwa yang dikeluarkan diterima dengan baik oleh masyarakat umum. Ini kerana penghasilannya adalah melalui penyelidikan, perbincangan para ulama dengan penuh ketelitian dan telah dinyatakan metodologi hukum teks fatwa. Malahan sumber rujukan fatwa yang dikeluarkan adalah sistematik dan jelas.

RUJUKAN

- Abdul Monir Yaacob dan Wan Roslili Abd. Majid. (1998). Mufti dan Fatwa di Negara-negara Asean. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia.
- Abū Zahrah, Muhammad. (1997). *Usūl al-Fiqh*. Kaherah: Dār al-Fikr al’Arabī.
- Abdul Hamid Yunus. (1993). “Fatwa di Malaysia: Satu Penelitian Sejarah”. *Jurnal Penyelidikan Islam*, Bil. 8. BAHEIS, JPM, hlm. 22-34.
- Ahmad Hidayat Buang. (2004). *Fatwa di Malaysia*. Universiti Malaya: Jabatan Syariah dan Undang-Undang, Akademi Pengajian Islam.
- Ahmad Hidayat Buang. (2000). Laporan Projek Penganalisan Fatwa-fatwa Semasa di Malaysia. IRPA 7-02-03-0403. Universiti Malaya: Jabatan Syariah dan Undang-Undang, Akademi Pengajian Islam.
- Ahmad Hidayat Buang. (2002). “Analisis fatwa-fatwa Syariah di Malaysia”. *Jurnal Syariah*, vol. 10, bil 1, hlm. 39-52.
- Arik Sanusi Yeop Johari. (2010). “Penyelarasan Fatwa di Malaysia: Kekangan dari Aspek Perundangan”. Monograf al-Ifta’, Siri 1. Putra Jaya: JAKIM
- Al-Ghazālī, Abu Hamid. (1324H). *al-Mustasfā min ‘Ilm al-Usūl*. Kaherah: Matba’ah al-‘Amiriyah
- Al-Hakami, ‘Alī bin ‘Abbas. (1999). *Usūl al-Fatwā wa Tatbiq al-Ahkām al-Syar’iyyah fi Bilād Ghayr al-Muslimin*. Beirut: Muassasah al-Rayyān.
- Al-Nawawī, Yahya Ibn Syaraf. (1987). *Adāb al-Fatwa*. Damsyiq: Dār al-Fikr,
- Al-Qardawi, Yusuf. (1988). *Ijtihad Dalam Syariat Islam*, beberapa pandangan analitis tentang ijtihad kontemporer, alih bahasa Drs. Achmad Syathori. Kuala Lumpur: Thinkers Library.
- Al-Qardawi, Yusuf. (1996). *Fatwa Antara Ketelitian dan Kecerobohan*, terj. Ahmad Nuryadi Asmawi. Kuala Lumpur: Thinkers Library.
- Al-Qardawī, Yūsuf. (1990). *Huda al-Islam: Fatawa Muasirah*. Kuwait: Dar al-’Ilm Li al-Nasyr wa al-Tawzi’
- Al-Qarafi, Shihāb al-Din Abu al-‘Abbas. (1976). *Al-Ihkām fi tamyiz al-fatwa ‘an al-Ahkām wa Tasarufat al-Qadī wa al-Imam*. Kaherah: Matba’ah al-Matbūa’t al-Islāmiyyah.
- Al-Qāsimi, Jamaluddin. (1985). *al-Fatāwa fi al-Islām*. (Tahqiq Muhammad Abd al-Hakim al-Qādi). Beirut: Dār al-Kutūb al-‘Ilmiyyah,
- Al-Zuhaili, Wahbah. (1986). *Usūl al-Fiqh al-Islāmī*. Kaherah: Dār al-Fikr.
- Mahmood Zuhdi Abdul Majid. (1992). *Sejarah Pembinaan Hukum Islam*. Kuala Lumpur: Penerbitan Universiti Malaya.
- Ibn al-Salāh, Abu ‘Amru Uthman. (1986). *Fatāwa wa Masāil Ibn al-Salāh*. Beirut: Dar al-Mā’rifah.

- Ibn al-Salāh, Abu ‘Amru Uthman. (1992). *Adab al-Fatwā wa Syurut al-Mufti, wa Sifāt al-Mustafti wa Ahkāmuhu*. Kaherah: Matba’ahal-MadaniMagaji Chiroma,
- Mahamad Arifin, Abdul Haseeb Ansari dan Mohammad Asmadi Abdullah (2014). *The Concept Of fatwa (IslamicVerdict) In Malaysia And The Constitutional Dilemma: A Legislation or Legal Opinion?* International Journal of Busines and Law, vol 4 (June).
- Mohd Aliff Mohd Nawawi & Mohd Isa Hamzah, (2014) *Mobile fatwa (M-Fatwa): The integration of Islamic Fatwa Through MobileTechnology*, Turkish Online Journal of Distance Education, vol 15, pp 108-116.
- Mohamed Azam Mohamed Adil, (2014). “Penyelarasn Fatwa: Isu, Masalah dan Harapan”, *Jurnal Hukum*, Rabiulakhir 1435H/Februari 2014, pp. 1-16.
- Muhammad Ikhlas Resele, Luqman Abdullah, Faizah Ismail & Mohd Anuar Ramli. (2013). “Konflik Fatwa di Malaysia: Satu Kajian Awal”. *Jurnal Fiqh*, No. 10 pp. 35-36.
- Zaydān, Abd Karim. (1987). *al-Wajīz fī Usūl al-Fiqh*. Beirut: Muassasah al-Risalah.
- Zibari, Amir Sa’id. (1995). *Mabahith fī Ahkam al-Fatwa*. Beirut: Dar Ibn Hazm.